Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

KEBIMBANGAN KESELAMATAN PELAKUAN JENAYAH DI SEKOLAH DALAM KALANGAN IBUBAPA: SATU PENEMUAN AWAL DI KOTA KINABALU SABAH

PARENTS' SAFETY CONCERN REGARDING CRIMINAL BEHAVIOUR IN SCHOOL: PRELIMINARY FINDINGS FROM KOTA KINABALU, SABAH

Dr. Nor-Ina Kanyo [1]
Priscillia Natalia Anak Lucas [2]
Nurul Hikmah Binti Awaluddin [2]
Nurizzaty Binti Ahmad [2]
Nurliyana Binti Mohd Hardy [2]

[1] Profesor Madya Dr., Program Geografi FSSK dan, Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS)
(E-mail: norina@ums.edu.my)
[2] Calon Pelajar Sarjana, Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Article history
Received date : 29-9-2026
Revised date : 30-9-2026
Accepted date : 18-8-2026
Published date : 6-11-2026

To cite this document:
Kanyo, N., Lucas, P. N., Awaluddin, N. H., Ahmad, N., & Mohd Hardy, N. (2026). Kebimbangan keselamatan pelakuan jenayah di sekolah dalam kalangan ibubapa: Satu penemuan awal di Kota Kinabalu, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* (JISED), 11 (88), 102 - 120.

Abstrak: *Kajian ini membincangkan keselamatan pelajar di dalam dan di luar kawasan sekolah merupakan isu penting yang boleh menimbulkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa dan penjaga. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak serta risiko pelakuan jenayah di dalam dan di luar kawasan sekolah di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan deskriptif keratan rentas. Seramai 40 orang ibu bapa atau penjaga dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan, manakala data dikumpulkan melalui borang soal selidik berstruktur yang menggunakan skala Likert lima mata. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif, iaitu kekerapan dan peratusan. Dapatan awal menunjukkan bahawa semua responden (100%) berasa bimbang atau sangat bimbang terhadap risiko pendedahan anak kepada aktiviti jenayah di luar kawasan sekolah. Selain itu, 90.0% responden sangat bimbang terhadap risiko penyalahgunaan bahan terlarang, manakala 87.5% sangat bimbang terhadap pengaruh negatif rakan sebaya dan aktiviti luar sekolah tanpa pengawasan orang dewasa. Di dalam kawasan sekolah pula, dapatan menunjukkan kebimbangan yang tinggi terhadap pengaruh rakan sebaya, pengawasan pihak sekolah dan masalah disiplin pelajar. Kajian ini menunjukkan bahawa kebimbangan ibu bapa merangkumi aspek keselamatan fizikal, persekitaran sosial dan kesejahteraan pelajar. Oleh itu, kerjasama antara pihak sekolah, ibu bapa, komuniti dan pihak berkuasa perlu diperkukuh bagi meningkatkan*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

keberkesanan pengawasan, pengurusan aduan dan langkah pencegahan jenayah. Memandangkan kajian ini melibatkan sampel yang kecil dan dipilih secara bertujuan, dapatan yang diperoleh merupakan gambaran awal dan tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi ibu bapa di Kota Kinabalu atau Sabah.

Kata kunci: *Kebimbangan ibu bapa, keselamatan pelajar, pelakuan Jenayah, buli, Kota Kinabalu*

Abstract: *This study discusses student safety inside and outside the school environment is an important issue that may raise concerns among parents and guardians. This study aims to identify parents' levels of concern regarding their children's safety and the risks of criminal behaviour inside and outside school in Kota Kinabalu, Sabah. A quantitative approach was adopted using a descriptive cross-sectional survey design. A total of 40 parents or guardians were selected through purposive sampling, and data were collected using a structured questionnaire with a five-point Likert scale. The data were analysed using descriptive statistics, namely frequencies and percentages. The preliminary findings indicate that all respondents (100%) were concerned or very concerned about their children's exposure to criminal activities outside school. In addition, 90.0% of respondents were very concerned about the risk of substance abuse, while 87.5% were very concerned about negative peer influence and unsupervised activities outside school. Within the school environment, the findings also revealed high levels of concern regarding peer influence, school supervision and student disciplinary problems. These findings suggest that parental concerns encompass physical safety, the social environment and student well-being. Therefore, collaboration among schools, parents, communities and relevant authorities should be strengthened to improve supervision, complaint management and crime prevention measures. As this preliminary study involved a small purposively selected sample, the findings provide an initial indication of parental concerns and cannot be generalised to the entire parent population in Kota Kinabalu or Sabah.*

Keywords: *Parental concerns, student safety,criminal behaviour, bullying, Kota Kinabalu*

Pengenalan

Pada arus kemajuan pembangunan masa kini, negara melihat golongan belia sebagai aset yang sangat penting dan sangat berharga kerana mereka merupakan kelompok yang bakal menjadi tunjang negara dalam mewarisi kepimpinan dan membentuk masa depan negara ke arah yang lebih maju. Secara umumnya, generasi belia di Malaysia telah dikelompokkan kepada individu yang berada pada usia antara 15 tahun hingga 40 tahun yang sering mendapatkan pelbagai jenis bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan oleh kerana potensi mereka dalam pembangunan negara begitu signifikan (Ahmad et al., 2017). Namun begitu, jika dilihat dengan lebih mendalam untuk senario kehidupan yang realiti, golongan belia sering terlibat dalam kesalahan jenayah sehingga menunjukkan peningkatan yang mendadak sehingga menimbulkan kebimbangan yang begitu mendalam kepada semua pihak. Menurut Ahmad et al., (2017), jenayah ini dilihat sebagai isu sosial yang memberi kesan terhadap keselamatan lebih-lebih dalam konteks pelajar pada masa kini. Perbuatan yang sering dilakukan termasuklah jenayah mencuri, dan mana-mana jenayah yang kecil sehingga jenayah yang ekstrem seperti penyalahgunaan dadah, kongsi gelap dan kes kekerasan fizikal.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

Sehubungan dengan itu, isu melibatkan keselamatan pelajar di Malaysia kini berada pada tahap yang membimbangkan apabila analisis statistik memperlihatkan peningkatan kes buli yang drastik iaitu 3,883 kes pada tahun 2022 kepada 7,681 pada tahun 2024. Kebimbangan ini semakin nyata kepada ibu bapa di Sabah kerana tragedi menyayat hati yang melibatkan kematian seorang pelajar di Papar, Sabah yang ditemui dalam keadaan yang tidak sedarkan diri di asrama sekolahnya akibat pelakuan buli yang melampau (Baharin, 2025). Malah, persepsi ibu bapa juga penting untuk difahami kerana mereka merupakan antara pihak yang bertanggungjawab terhadap kebajikan dan keselamatan anak-anak. Kebimbangan ibu bapa bukan sahaja berkaitan kemungkinan anak menjadi mangsa buli atau pelakuan jenayah ketika berada di sekolah tetapi juga merangkumi risiko di luar kawasan sekolah termasuklah pengaruh negatif rakan sebaya, penyalahgunaan bahan terlarang, penggunaan media sosial serta kekurangan pengawasan orang dewasa. Di samping itu, kelemahan komunikasi antara pihak sekolah dengan ibu bapa boleh menimbulkan kesukaran untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi pelajar dan mengambil tindakan pencegahan dengan segera. Oleh itu, pemahaman terhadap kebimbangan ibu bapa dapat membantu mengenal pasti aspek keselamatan yang memerlukan perhatian dan penambahbaikan.

Dalam institusi pendidikan, keselamatan merupakan salah satu perkara yang perlu diberi perhatian sepenuhnya bagi memastikan proses pembelajaran pelajar dapat dilaksanakan dalam keadaan yang kondusif dan menjamin keselamatan mereka. Sehubungan itu, kajian awal ini dijalankan di Kota Kinabalu, Sabah, bagi meneliti persepsi kebimbangan ibu bapa dan penjaga terhadap keselamatan serta risiko pelakuan jenayah yang melibatkan anak-anak di dalam dan di luar kawasan sekolah. Secara khusus, kajian ini mengenal pasti aspek keselamatan yang paling membimbangkan ibu bapa dan meneliti implikasi kebimbangan tersebut terhadap kesejahteraan pelajar serta keperluan penambahbaikan langkah keselamatan. Dapatan kajian diharapkan dapat memberikan gambaran awal yang berguna kepada pihak sekolah, ibu bapa, komuniti dan pihak berkuasa dalam memperkukuh usaha mewujudkan persekitaran pendidikan yang lebih selamat di Kota Kinabalu.

Tinjauan Literature

Kebimbangan ibu bapa berpunca daripada faktor dalaman dan luaran yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Menurut Johari et al. (2026) faktor dalaman termasuk tekanan emosi pelajar serta kekurangan pendidikan nilai yang kukuh oleh keluarga yang boleh melemahkan kawalan diri dan pertimbangan moral pelajar. Manakala faktor luaran pula melibatkan pengaruh rakan sebaya dan pendedahan kepada media sosial yang tidak terkawal, yang boleh membentuk norma tingkah laku negatif dalam kalangan pelajar. Beliau menegaskan bahawa kegagalan menangani kedua-dua faktor ini secara menyeluruh boleh meningkatkan kecenderungan pelajar untuk terlibat dalam pelakuan jenayah seperti buli, pergaduhan dan salah laku disiplin di sekolah. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keselamatan fizikal pelajar, malah turut memberikan kesan kepada kesejahteraan emosi dan persekitaran pembelajaran secara keseluruhan.

Seterusnya, Mohamed & Mooi (2026) pula menjelaskan bahawa tahap kesedaran undang-undang yang rendah dalam kalangan pelajar menjadi salah satu punca utama penglibatan mereka dalam aktiviti jenayah. Pelajar yang kurang memahami implikasi tindakan mereka lebih cenderung untuk terlibat dalam tingkah laku agresif dan melanggar peraturan sekolah. Situasi ini menunjukkan kepentingan penerapan pendidikan sivik dan undang-undang sejak awal

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

persekolahan. Oleh sebab itu, beliau menekankan bahawa peningkatan kesedaran undang-undang bukan sahaja dapat mengurangkan pelakuan jenayah, malah mampu mewujudkan persekitaran sekolah yang lebih selamat dan berdisiplin.

Selain itu, kajian daripada Karmakar & Das (2020) pula menekankan bahawa peningkatan penggunaan teknologi dan media sosial turut memperluaskan bentuk jenayah dalam kalangan pelajar, khususnya buli siber. Buli siber boleh berlaku secara meluas tanpa sempadan masa dan tempat, sekali gus menjadikan pelajar sentiasa terdedah kepada ancaman walaupun berada di luar kawasan sekolah. Mereka mendapati bahawa jenayah siber lebih sukar dikesan dan dikawal oleh pihak sekolah kerana melibatkan platform digital yang kompleks. Situasi ini memerlukan pendekatan baharu yang melibatkan kerjasama antara sekolah, ibu bapa dan pihak berkuasa dalam memastikan keselamatan pelajar secara menyeluruh.

Isu keselamatan pelajar juga berkait rapat dengan kelemahan pelaksanaan dasar keselamatan di sekolah. Kajian daripada Betare & Kanyo (2021) menyatakan bahawa walaupun terdapat garis panduan yang jelas, ketidakselarasan dalam penguatkuasaan menyebabkan kes buli, pergaduhan dan gangguan disiplin masih berlaku di kawasan sekolah. Keadaan ini menunjukkan bahawa kewujudan dasar sahaja tidak mencukupi tanpa pemantauan yang berterusan dan komitmen daripada pihak pentadbiran sekolah. Mereka menegaskan bahawa kegagalan pihak sekolah memastikan pematuhan dasar secara konsisten boleh meningkatkan risiko pelakuan jenayah dalam kalangan pelajar, sekali gus menjejaskan kepercayaan ibu bapa terhadap tahap keselamatan anak- anak mereka di sekolah.

Di samping itu, kajian oleh Ismail & Othman (2020) pula menunjukkan bahawa persekitaran sekolah yang tidak kondusif, termasuk kelemahan pengawasan guru dan sistem disiplin yang longgar, boleh menyumbang kepada peningkatan kes jenayah pelajar. Kekurangan kawalan ini memberi peluang kepada pelajar untuk melanggar peraturan tanpa rasa takut terhadap tindakan disiplin. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengurusan sekolah memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk tingkah laku pelajar. Apabila pengawasan di sekolah tidak konsisten, pelajar mungkin menganggap bahawa pelanggaran peraturan adalah sesuatu yang boleh diterima dan tidak membawa implikasi serius. Hal ini seterusnya boleh mewujudkan budaya negatif dalam kalangan pelajar, di mana tingkah laku agresif seperti buli dan pergaduhan menjadi semakin normal.

Tambahan pula, Bernama melaporkan pada 6 Oktober 2026 bahawa sebanyak 5,681 kes buli dilaporkan di sekolah seluruh negara bagi tempoh Januari hingga Ogos 2026. Kes tersebut merangkumi buli fizikal, verbal, bukan verbal dan buli siber. Laporan itu turut menyatakan kebimbangan bahawa sebahagian kejadian mungkin tidak dilaporkan, sekali gus menunjukkan kepentingan mekanisme pelaporan yang berkesan dan tindakan yang sewajarnya terhadap aduan pelajar.

Isu keselamatan pelajar di sekolah semakin mendapat perhatian apabila berlakunya kejadian keganasan yang melibatkan pelajar. Menurut Nor Azizah Mokhtar (2025), lima orang remaja bawah umur akan didakwa di Mahkamah Kanak-kanak Kota Kinabalu berkaitan kes buli yang melibatkan Allahyarham Zara Qairina Mahathir iaitu seorang pelajar Tingkatan Satu di Sabah. Laporan tersebut turut menjelaskan bahawa tindakan pertuduhan bagi kesalahan berkaitan buli tidak menjejaskan prosiding inkues kematian mangsa manakala siasatan berhubung

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved


This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

kematiannya diteruskan. Perkembangan ini menunjukkan kepentingan menangani pelakuan buli secara serius serta memperkukuh pengawasan dan mekanisme aduan di sekolah. Perkara ini menjadikan isu tersebut relevan untuk memahami kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak dan keperluan memastikan persekitaran sekolah yang selamat. Walau bagaimanapun, dapatan daripada satu laporan berita tidak mencukupi untuk menentukan tahap keseluruhan kejadian buli atau membuktikan bahawa semua kes buli membawa kepada kematian.

Selain itu, menurut Berita Harian (2026), seorang remaja lelaki berusia 16 tahun telah didakwa atas pertuduhan membunuh Irene Sofiya Mohd Khairool Faisal, seorang pelajar perempuan berusia 16 tahun di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Seth, Yong Peng, Johor. Kejadian yang dilaporkan berlaku pada 3 Oktober 2026 itu melibatkan dakwaan mangsa dipukul beberapa kali di kepala menggunakan paip. Kes ini menimbulkan perhatian terhadap aspek keselamatan pelajar, pengawasan dan langkah pencegahan keganasan di sekolah. Walau bagaimanapun, laporan tersebut tidak mengesahkan bahawa kejadian itu berpunca daripada buli kejadian tersebut menunjukkan kepentingan meneliti kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak serta keberkesanan langkah perlindungan dalam persekitaran sekolah (Berita Harian, 2026).

Metodologi Kajian



Rajah 1: Kawasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Centre Point, Kota Kinabalu, Sabah. Lokasi ini dipilih sebagai tempat pengumpulan data atas beberapa pertimbangan strategik. Centre Point merupakan salah satu pusat membeli-belah utama yang paling sibuk di Kota Kinabalu dengan trafik pengunjung yang tinggi terutamanya pada hujung minggu dan cuti umum. Hal ini memudahkan akses kepada responden yang terdiri daripada ibu bapa atau penjaga yang mempunyai anak bersekolah di sekitar Kota Kinabalu. Tambahan pula, kawasan ini menarik pengunjung daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi dan kawasan perumahan yang berbeza di sekitar Kota Kinabalu seperti Likas, Putatan, Tuaran dan Inanam yang membolehkan sampel yang lebih pelbagai dan mewakili populasi ibu bapa di bandar ini. Dalam pemilihan lokasi ini juga mengambil kira isu

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

keselamatan dan kemudahan akses untuk pengkaji serta responden, di mana Centre Point menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk menjalankan sesi pengumpulan data secara bersemuka.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif deskriptif dengan pendekatan tinjauan keratan rentas (cross-sectional survey). Kaedah kuantitatif dipilih kerana membolehkan pengumpulan data secara sistematik daripada sebilangan besar responden dalam tempoh masa yang singkat serta membolehkan analisis statistik bagi mengenal pasti corak dan hubungan antara pemboleh ubah. Bagi menentukan responden kajian, pengkaji menggunakan kaedah persampelan bertujuan *(purposive sampling).* Menurut Memon et al. (2025), persampelan bertujuan merupakan kaedah pemilihan responden secara sistematik berdasarkan kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh penyelidik bagi memastikan data yang diperoleh adalah relevan dan berkualiti. Dalam kajian ini, responden dipilih berdasarkan kriteria inklusi iaitu ibu bapa atau penjaga yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak yang bersekolah di peringkat rendah atau menengah di sekitar Kota Kinabalu, berumur 25 tahun ke atas. Hal ini selaras dengan pandangan Memon et al. (2025) yang menekankan bahawa pemilihan responden dalam kajian kuantitatif perlulah berlandaskan kriteria yang jelas bagi menjamin kualiti data dan kebolehpercayaan dapatan kajian.

Selain itu, instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik berstruktur yang dibahagikan kepada empat bahagian utama. Bahagian A merupakan maklumat demografi yang mengandungi soalan tentang latar belakang responden termasuk jantina, umur, hubungan dengan pelajar, tahap pendidikan, status pekerjaan, bilangan anak yang masih bersekolah, kawasan tempat tinggal, dan jarak tempat tinggal dengan sekolah.

Bahagian B pula berkaitan dengan kebimbangan ibu bapa di luar sekolah. Bahagian ini mengukur tahap kebimbangan responden terhadap keselamatan anak di luar kawasan sekolah menggunakan skala Likert 5 mata (1=Tidak Bimbang hingga 5=Sangat Bimbang). Bahagian C adalah berkaitan dengan kebimbangan ibu bapa di dalam sekolah dan diukur dengan tahap kebimbangan responden terhadap keselamatan anak di dalam kawasan sekolah menggunakan skala Likert 5 mata (1=Tidak Bimbang hingga 5=Sangat Bimbang).

Bahagian D dan E adalah implikasi kebimbangan keselamatan dan pelakuan jenayah dalam kalangan ibu bapa terhadap individu, sekolah dan masyarakat serta cadangan langkah meningkatkan keselamatan anak di sekolah. Kedua-kedua bahagian ini mengukur persetujuan responden terhadap implikasi jenayah serta cadangan langkah meningkatkan keselamatan pelajar menggunakan skala Likert 5 mata (1=Sangat Tidak Setuju hingga 5=Sangat Setuju).

Saiz sampel dalam kajian ini adalah seramai 40 orang responden berdasarkan pendekatan yang dicadangkan oleh O'Neill (2022) yang menekankan kepentingan saiz sampel yang mencukupi untuk kajian deskriptif.

Seterusnya, data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Analisis statistik deskriptif seperti kekerapan dan peratusan digunakan untuk menganalisis latar belakang responden serta tahap kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan pelajar di sekolah. Analisis kekerapan membolehkan penyelidik melihat taburan jawapan responden bagi setiap item soal selidik. Dapatan dipersembahkan dalam bentuk jadual

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

kekerapan dan peratusan bagi memudahkan interpretasi data. Pendekatan ini selaras dengan kajian Mohamed dan Mooi (2026) mengenai penglibatan remaja dalam kegiatan jenayah serta kajian Saklan dan Unal (2026) yang meneliti kebimbangan ibu bapa terhadap isu buli di sekolah di mana analisis statistik deskriptif menggunakan kekerapan dan peratusan digunakan untuk mempersembahkan dapatan kajian secara sistematik.

Penemuan Kajian

Latar Belakang Responden

Jadual: Latar Belakang Responden

Perkara	Bilangan (Orang)	Peratusan (%)
JANTINA		
Lelaki	12	30.0
Perempuan	28	70.0
UMUR		
20-29 Tahun	11	27.5
30-39 Tahun	8	20.0
40-49 Tahun	13	32.5
50 Tahun Ke Atas	8	20.0
HUBUNGAN DENGAN PELAJAR		
Ibu	19	47.5
Bapa	9	22.5
Penjaga	12	30.0
TAHAP PENDIDIKAN		
Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)	2	5.0
Sijil Pendidikan Malaysia (SPM)	20	50.0
Sijil Tinggi Pendidikan Malaysia (STPM)	5	12.5
Diploma	5	12.5
Ijazah Sarjana Muda	7	17.5
Tiada Pendidikan	1	2.5

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

STATUS PEKERJAAN		
Pekerja Swasta	3	7.5
Pekerja Kerajaan	22	55.0
Bekerja Sendiri	11	27.5
Tidak Bekerja	4	10.0
BILANGAN ANAK YANG MASIH BERSEKOLAH		
1 Orang	25	62.5
2 Orang	6	15.0
3 Orang	7	17.5
4 Orang	1	2.5
5 Orang	1	2.5
KAWASAN TEMPAT TINGGAL		
Kota Kinabalu	13	32.5
Papar	2	5.0
Kinarut	3	7.5
Telipok	1	2.5
Tuaran	3	7.5
Penampang	1	2.5
Sepanggar	2	5.0
Likas	4	10.0
Pulau Gaya	2	5.0
Putatan	5	12.5
Inanam	1	2.5
Kingfisher	2	5.0
Luyang	1	2.5

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

JARAK TEMPAT TINGGAL DENGAN SEKOLAH		
1-5 km	12	30.0
6-10 km	17	42.5
11-15 km	9	22.5
16-20 km	1	2.5
Lebih daripada 20 km	1	2.5

Sumber: Kajian Lapangan 2026

Jadual di atas menunjukkan latar belakang responden yang menjawab borang soal selidik. Bagi kajian ini, seramai 40 orang responden telah menjawab borang soal selidik yang telah disediakan. Seramai 28 orang responden (70.0%) adalah perempuan sekaligus menjadi majoriti responden, manakala 12 orang responden (30.0%) adalah lelaki. Seramai 11 orang responden (27.5%) berumur 20 hingga 29 tahun, lapan orang responden (20.0%) masingmasing berumur 30 hingga 39 tahun dan 50 tahun ke atas. Majoriti responden berumur 40 hingga 49 tahun adalah seramai 13 orang responden (32.5%).

Majoriti responden dalam kajian ini adalah ibu kepada pelajar iaitu seramai 19 orang (47.5%), manakala penjaga seramai 12 orang responden (30.0%). Hubungan bapa dengan pelajar adalah seramai sembilan orang responden (22.5%). Bagi tahap pendidikan pula, majoriti responden berada pada tahap Sijil Pendidikan Malaysia (SPM) iaitu seramai 20 orang (50.0%). Sijil Tinggi Pendidikan Malaysia (STPM) dan Diploma masing-masing mencatatkan seramai 5 orang responden (12.5%), Ijazah Sarjana Muda seramai tujuh orang (17.5%). 5Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) seramai dua orang (5.0%) dan hanya seorang responden (2.5%) sahaja yang tidak berpendidikan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai pendidikan.

Seramai 22 orang responden (55.0%) merupakan pekerja kerajaan, 11 orang responden (27.5%) bekerja sendiri. Empat orang responden (10.0%) tidak bekerja, manakala tiga orang responden (7.5%) merupakan pekerja swasta. Dapatan ini menunjukkan bahawa seramai 36 orang responden mempunyai pekerjaan.

Seramai 25 orang responden (62.5%) hanya mempunyai seorang anak, manakala enam orang responden (15.0%) mempunyai dua orang anak. Tujuh orang responden (17.5%) mempunyai jumlah anak seramai tiga orang, manakala jumlah anak seramai empat orang dan lima orang masing-masing mencatatkan seorang responden (2.5%). Hasil menunjukkan bahawa jumlah responden mempunyai kurang daripada lima orang anak.

Terdapat 13 kawasan tempat tinggal yang diperoleh daripada borang soal selidik. Majoriti responden tinggal di kawasan Kota Kinabalu iaitu seramai 13 orang (32.5%). Papar, Sepanggar, Pulau Gaya dan Kingfisher masing-masing mencatatkan dua orang (5.0%), manakala Kinarut dan Tuaran mencatatkan tiga orang responden (7.5%). Bagi kawasan Telipok, Penampang,

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

Inanam dan Luyang masing-masing mencatatkan hanya seorang responden (2.5%) sahaja. Kawasan Likas pula adalah seramai empat orang responden (10.0%) dan kawasan yang terakhir adalah Putatan dengan jumlah seramai lima orang responden (12.5%).

Seramai 12 orang responden (30.0%) tinggal berdeketan dengan tempat sekolah iaitu dengan jarak antara satu hingga lima kilometer, manakala seramai 17 orang responden (42.5%) tinggal dengan jarak antara sekolah enam hingga 10 kilometer. Seramai sembilan orang responden (22.5%) berjarak 11 hingga 15 kilometer dengan sekolah, akhir sekali seramai satu orang responden (2.5%) masing-masing berjarak 16 hingga 20 kilometer dan lebih daripada 20 kilometer daripada sekolah.

Faktor Kebimbangan Ibu Bapa Di Luar Sekolah

Jadual: Kebimbangan Ibu Bapa di Luar Sekolah

Kod	Penyataan	Likert	Kekerapan	Peratusan (%)
B1	Saya bimbang anak saya terdedah kepada aktiviti jenayah ketika berada di luar kawasan sekolah.	Bimbang	1	2.5
		Sangat Bimbang	39	97.5
B2	Kawasan persekitaran luar sekolah seperti jalan raya, taman, atau kawasan awam adalah tidak selamat untuk pelajar.	Bimbang	8	20.0
		Sangat Bimbang	32	80.0
B3	Saya risau anak saya terlibat dengan rakan sebaya yang mempunyai pengaruh negatif di luar sekolah.	Bimbang	5	12.5
		Sangat Bimbang	35	87.5
B4	Ketiadaan pemantauan orang dewasa di luar sekolah meningkatkan risiko keselamatan anak saya.	Bimbang	7	17.5
		Sangat Bimbang	33	82.5
B5	Saya bimbang anak saya menjadi mangsa jenayah seperti kecurian, buli atau gangguan di luar sekolah.	Bimbang	7	17.5
		Sangat Bimbang	33	82.5
B6	Pengaruh media sosial dan internet meningkatkan risiko anak saya terlibat dalam pelakuan jenayah.	Bimbang	8	20.0
		Sangat Bimbang	32	80.0
B7	Saya kurang yakin terhadap tahap keselamatan di kawasan sekitar tempat tinggal atau laluan anak saya ke sekolah.	Kurang Bimbang	1	2.5
		Bimbang	7	17.5
		Sangat Bimbang	32	80.0

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

B8	Aktiviti luar sekolah tanpa pengawasan seperti melepak atau bersosial meningkatkan kebimbangan saya terhadap keselamatan anak.	Bimbang	5	12.5
		Sangat Bimbang	35	87.5
B9	Saya bimbang anak saya terdedah kepada penyalahgunaan bahan terlarang di luar sekolah.	Bimbang	4	10.0
		Sangat Bimbang	36	90.0
B10	Kekurangan rondaan keselamatan atau penguatkuasaan undangundang di kawasan luar sekolah meningkatkan kebimbangan saya.	Bimbang	6	15.0
		Sangat Bimbang	34	85.0

Sumber: Kajian Lapangan 2026

Jadual di atas menunjukkan dapatan bagi bahagian faktor yang menjadi kebimbangan ibu bapa semasa pelajar berada di luar sekolah. B1 adalah berkaitan dengan keterdedahan pelajar terhadap aktiviti jenayah. Responden menunjukkan kebimbangan yang tinggi (100%) terhadap aktiviti pelajar terutamanya selepas waktu persekolahan. Risiko kelakuan aktiviti jenayah luar sekolah sememangnya menjadi faktor kebimbangan ibu bapa terhadap pelajar.

Item B2 berkaitan dengan keselamatan pelajar di persekitaran luar sekolah. Responden bimbang (100%) terhadap keselamatan anak terutamanya di kawasan pesekitaran sekolah yang mampu menjadi kawasan untuk berlaku aktiviti jenayah seperti jalan raya, taman atau kawasan awam. Ibu bapa juga bimbang sekiranya kawasan persekitaran luar sekolah menjadi faktor kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan pelajar.

Item B3 pula berkaitan dengan kerisauan ibu bapa terhadap rakan sebaya yang mempunyai pengaruh tidak baik. Responden menunjukkan kebimbangan yang tinggi (100%) terhadap penglibatan pelajar dengan rakan sebaya yang mempunyai pengaruh negatif. Rakan sebaya yang negatif mampu menjadi faktor berlakunya jenayah di luar sekolah.

Ketidakadaan pemantauan daripada golongan dewasa adalah berkaitan dengan item B4. Responden menunjukkan kebimbangan yang tinggi (100%) sekiranya tidak ada pengawasan daripada golongan dewasa terutamanya dalam aktiviti pelajar di luar sekolah. Pemantauan yang kurang justeru akan menjadi faktor peningkatan risiko keselamatan pelajar semasa di luar sekolah.

Item B5 berkaitan dengan kerisauan ibu bapa sekiranya anak menjadi mangsa jenayah. Kebimbangan yang tinggi (100%) ditunjukkan oleh responden sekiranya anak mereka menjadi mangsa kecurian, buli atau gangguan di luar sekolah. Kebimbangan ini meningkatkan disebabkan kurangnya pengawasan di luar sekolah. Pelajar yang mampu menjadi mangsa jenayah merupakan salah satu faktor kebimbangan ibu bapa terhadap pelajar di luar sekolah.

Pengaruh media sosial dan internet yang semakin kritikal merupakan item bagi B6. Responden menunjukkan kebimbangan yang tinggi (100%) terhadap penggunaan media sosial dan internet sebagai salah platform yang digunakan untuk aktiviti jenayah. Kurangnya pemantauan

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

daripada ibu bapa terhadap penggunaan gadjet akan menjadi faktor peningkatan risiko anak untuk terlibat dalam pelakuan jenayah sekiranya media sosial dan internet disalahguna fungsi.

Item B7 adalah berkaitan dengan tahap keyakinan ibu bapa terhadap keselamatan di kawasan tempat tinggal atau laluan pelajar ke sekolah. Majoriti responden menunjukkan kebimbangan (97.5%) bahawa mereka kurang yakin dengan tahap keselamatan di kawasan tempat tinggal atau sepanjang laluan yang digunakan oleh pelajar untuk sampai ke sekolah. Namun begitu, terdapat juga responden (2.5%) yang kurang bimbang mungkin atas faktor inisiatif sendiri untuk memastikan pelajar sampai di sekolah dengan selamat. Justeru itu, keyakinan ibu bapa terhadap keselamatan anak terutamanya di kawasan luar sekolah menjadi faktor kebimbangan.

Item B8 berkaitan dengan risiko keselamatan pelajar semasa aktiviti luar sekolah tanpa pengawasan. Responden menunjukkan kebimbangan yang tinggi (100%) terhadap aktiviti luar sekolah seperti melepak atau bersosial yang mampu menyebabkan pelajar terpengaruh dengan rakan sebaya untuk melakukan atau terlibat dengan aktiviti jenayah. Risiko keselamatan pelajar menjadi faktor kepada kebimbangan ibu bapa.

Keterdedahan pelajar terhadap penyalahgunaan bahan terlarang merupakan item bagi B9. Responden menunjukkan kebimbangan yang tinggi (100%) terhadap pelajar yang kemungkinan akan terlibat dengan penyalahgunaan bahan terlarang seperti dadah terutamanya di luar sekolah. Perkara tersebut kemungkinan akan berlaku juga disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya daripada aktiviti melepak atau bersosial tanpa pengawasan daripada golongan dewasa. Aktiviti luar sekolah juga menjadi faktor kepada kebimbangan ibu bapa terhadap pelajar.

Item yang terakhir iaitu B10 adalah berkait dengan rondaan keselamatan atau penguatkuasaan undang-undang di kawasan luar sekolah. Kebimbangan ibu bapa yang tinggi (100%) ditunjukkan terhadap kekurangan rondaan keselamatan atau penguatkuasaan undang-undang di kawasan luar sekolah. Walaupun sesi persekolahan telah tamat, pelajar yang masih berada di kawasan sekolah seharusnya masih menjadi tanggungjawab sekolah, penguatkuasaan undang-undang terutamanya di kawasan sekolah juga diperlukan untuk mengurangkan kebimbangan ibu bapa serta memastikan pelajar masih berada dalam kawasan zon selamat daripada sebarang aktiviti jenayah. Rondaan keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang yang lemah menjadi faktor kepada kebimbangan ibu bapa terhadap pelajar di luar sekolah.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

Faktor Kebimbangan Ibu Bapa Di Dalam Sekolah

Jadual: Kebimbangan Ibu Bapa Terhadap Pelajar Dalam Sekolah

Kod	Penyataan	Likert	Kekerapan	Peratusan (%)
C1	Saya risau anak saya terpengaruh oleh rakan sebaya untuk terlibat dalam tingkah laku yang tidak baik di sekolah.	Bimbang	7	17.5
		Sangat Bimbang	33	82.5
C2	Saya bimbang masalah yang berlaku di sekolah boleh menjejaskan kesejahteraan emosi anak saya.	Tidak Bimbang	1	2.5
		Bimbang	6	15.0
		Sangat Bimbang	33	82.5
C3	Saya bimbang keselamatan anak saya semasa berada di kawasan sekolah.	Kurang Bimbang	1	2.5
		Bimbang	6	15.0
		Sangat Bimbang	33	82.5
C4	Saya percaya pengawasan pihak sekolah terhadap tingkah laku pelajar masih belum mencukupi.	Kurang Bimbang	1	2.5
		Bimbang	5	12.5
		Sangat Bimbang	34	85.0
C5	Saya percaya masalah yang berlaku di sekolah boleh mempengaruhi prestasi akademik anak saya.	Bimbang	7	17.5
		Sangat Bimbang	33	82.5
C6	Saya bimbang masalah yang dihadapi anak di sekolah boleh memberi kesan terhadap masa depannya.	Bimbang	6	15.0
		Sangat Bimbang	34	85.0
C7	Saya percaya persekitaran sekolah mempengaruhi perkembangan tingkah laku sosial anak saya.	Kurang Bimbang	1	2.5
		Bimbang	6	15.0
		Sangat Bimbang	33	82.5
C8	Saya berpendapat masalah disiplin dalam kalangan pelajar semakin membimbangkan dan sukar dikawal.	Kurang Bimbang	1	2.5
		Bimbang	5	12.5
		Sangat Bimbang	34	85.0
C9	Saya bimbang anak saya cenderung menyembunyikan masalah yang dihadapinya di sekolah daripada pengetahuan keluarga.	Bimbang	5	12.5
		Sangat Bimbang	35	87.5

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

C10	Saya bimbang komunikasi antara pihak sekolah dan ibu bapa tidak mencukupi untuk memantau perkembangan anak.	Bimbang	7	17.5
		Sangat Bimbang	33	82.5

Sumber: Kajian Lapangan 2026

Jadual di atas menunjukkan faktor-faktor yang menjadi kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan anak terutamanya di dalam sekolah. Faktor yang pertama adalah pengaruh rakan sebaya. Responden menunjuukkan kebimbangan yang tinggi (100%) terhadap pergaulan anak terutamanya dalam sekolah. Faktor rakan sebaya yang tidak baik akan menjurus kepada pengaruh yang tidak baik sehingga pelajar terlibat dengan tingkah laku yang tidak baik di sekolah seperti membuli.

Seterusnya adalah faktor masalah yang berlaku di sekolah. Majoriti responden (97.5%) menunjukkan kebimbangan terhadap masalah yang berlaku di sekolah mampu menjejaskan kesejahteraan emosi pelajar. Masalah seperti masalah disiplin mampu menganggu keselesaan dan keamanan pelajar untuk belajar di sekolah. Namun begitu, seorang responden (2.5%) tidak bimbang kemungkinan kerana percaya bahawa pelajar tidak terlibat dengan masalah dalam sekolah.

Faktor keselamatan dalam sekolah juga menjadi faktor kebimbangan ibu bapa. Majoriti responden menunjukkan kebimbangan yang tinggi (97.5%) terhadap keselamatan pelajar dalam kawasan sekolah. Terdapat beberapa kawasan sekolah yang mampu dijadikan sebagai tempat berlakunya jenayah seperti tandas ataupun kawasan tertutup yang tidak mempunyai pengawasan, tetapi seorang responden (2.5%) kurang bimbang terhadap keselamatan pelajar kerana kawalan keselamatan melalui pengawal sekolah atau pengawasan guru cukup untuk mengurangkan kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan pelajar dalam sekolah.

Pengawasan pihak sekolah yang belum mencukupi menjadi faktor kebimbangan ibu bapa terhadap pelajar di dalam sekolah. Majoriti responden (97.5%) menunjukkan kebimbangan kepercayaan terhadap pengawasan pihak sekolah. Responden merasakan bahawa pengawasan dalam sekolah terhadap tingkah laku pelajar masih belum mencapai tahap yang diperlukan. Namun begitu, seorang responden (2.5%) kurang bimbang kerana percaya pengawasan dalam sekolah sudah cukup memadai untuk memantau tingkah laku pelajar.

Faktor masalah yang berlaku mempengaruhi pretasi akademik anak juga menjadi kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan anak di dalam sekolah. Responden menunjukkan kebimbangan yang tinggi (100%) terhadap pretasi akademik pelajar yang dipengaruhi oleh masalah di sekolah seperti buli. Masalah tersebut mampu menganggu pelajar untuk fokus kepada akademik sehingga mampu mempengaruhi pretasi baik dan kesejahteraan pelajar untuk belajar di sekolah.

Persekitaran sekolah juga menjadi faktor kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan pelajar dalam sekolah. Majoriti responden (97.5%) menunjukkan kebimbangan terhadap persekitaran sekolah yang mampu memberi pengaruh terhadap perkembangan tingkah laku sosial pelajar. Persekitaran yang baik akan mewujudkan tingkah laku pelajar yang baik. Namun begitu, hanya seorang responden (2.5%) kurang bimbang kerana percaya sekolah pelajar semestinya

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

mewujudkan persekitaran yang baik terutamanya dalam pembentukan tingkah laku sosial yang baik.

Faktor masalah disiplin yang semakin membimbangkan menjadi faktor kepada kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan pelajar dalam kawasan sekolah. Majoriti responden (97.5%) bimbang akan masalah disiplin dalam kalangan pelajar semakin sukar untuk dikawal. Hal ini dikatakan demikian kerana berpendapat bahawa peraturan-peraturan di sekolah semakin tidak diendahkan oleh pelajar, tetapi seorang responden (2.5%) kurang bimbang kerana berpendapat bahawa masalah disiplin dalam kalangan pelajar masih boleh dikawal melalui tindakan yang dikenakan oleh pihak disiplin dalam sekolah.

Faktor menyembunyikan masalah daripada sekolah menjadi faktor kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan pelajar dalam sekolah. Responden menunjukkan kebimbangan yang tinggi (100%) sekiranya pelajar cenderung untuk tidak jujur dalam masalah yang dihadapi dan memilih untuk menyembunyikan daripada pengetahuan keluarga. Situasi ini boleh berlaku disebabkan oleh ketakutan yang dirasai untuk meluahkan masalah terutamanya kepada ahli keluarga sendiri.

Akhir sekali adalah faktor komunikasi yang tidak cukup. Responden menunjukkan kebimbangan (100%) bahawa komunikasi antara pihak sekolah dan ibu bapa masih tidak cukup bagi pemantauan perkembangan anak. Hal ini dikatakan demikian kerana kurangnya perbincangan antara dua pihak tersebut untuk memastikan keselamatan pelajar sentiasa terjamin di dalam sekolah.

Kebimbangan Ibu Bapa Terhadap Keselamatan Anak di Sekolah

Ibu bapa menunjukkan tahap kebimbangan yang tinggi terhadap keselamatan pelajar di sekolah terutamanya berkaitan dengan buli, pelakuan jenayah, pengaruh rakan sebaya yang negatif dan kelemahan komunikasi antara pelajar dan ahli keluarga. Ibu bapa melihat sekolah sebagai tempat untuk menimba ilmu dan juga persekitaran yang menjaga keselamatan pelajar secara fizikal dan juga mental. Saklan dan Unal (2026) mendapati bahawa ibu bapa semakin aktif dalam mengambil tindakan terhadap isu buli kerana bimbang kesan jangka panjang yang akan dialami oleh anak mereka. Pengalaman menjadi mangsa buli meningkatkan kebimbangan ibu bapa terutamanya terhadap keberkesanan sistem keselamatan sekolah.

Kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan pelajar juga mempunyai kait rapat dnegan pandangan pelajar terhadap persekitaran sekolah yang selamat. Pelajar yang rasa tidak selamat di sekolah berisiko terdedah kepada masalah kesihatan mental seperti kebimbangan, tekanan emosi dan kemurungan. Kebimbangan yang ditunjukkan ini berasas kerana persekitaran sekolah yang tidak selamat memberi kesan serius terhadap kesejahteraan pelajar secara psikologi (Mori et al., 2021).

Komunikasi antara ibu bapa dan pihak sekolah yang tidak cukup juga menjadi faktor kebimbangan utama ibu bapa terhadap keselamatan pelajar di persekitaran sekolah. Persekitaran sekolah yang positif dan baik memerlukan kerjasama yang baik di antara pihak sekolah, ibu bapa serta komuniti untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif,

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

selamat dan menyokong perkembangan pelajar tanpa merisaukan keselamatan pelajar (Konisihi et al., 2022).

Penutup

Kesimpulannya, kajian awal ini menunjukkan bahawa ibu bapa dan penjaga mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi terhadap keselamatan anak-anak sama ada dalam mahupun di luar kawasan kawasan sekolah. Berdasarkan dapatan soal selidik terhadap 40 orang responden, kebimbangan terhadap keselamatan di luar sekolah paling ketara berkaitan dengan risiko pendedahan kepada aktiviti Jenayah dengan keseluruhan responden (100%) menyatakan kebimbangan atau sangat bimbang terhadap perkara tersebut. Selain itu, sebanyak 90.0% responden sangat bimbang terhadap risiko penyalahgunaan bahan terlarang, manakala 87.5% sangat bimbang terhadap pengaruh negatif rakan sebaya dan aktiviti luar sekolah tanpa pengawasan orang dewasa. Dapatan ini memperlihatkan bahawa keselamatan pelajar bukan sahaja menjadi perhatian ketika berada di sekolah malah turut melibatkan persekitaran sosial dan fizikal di luar kawasan sekolah.

Sehubungan itu, langkah meningkatkan keselamatan pelajar perlu dilaksanakan melalui kerjasama bersepadu antara pihak sekolah, ibu bapa, komuniti dan pihak berkuasa. Pihak sekolah perlu memperkukuh pengawasan, meningkatkan keberkesanan pengurusan disiplin, menyediakan saluran aduan yang selamat serta memperbaiki komunikasi dengan ibu bapa. Pada masa yang sama, pemantauan terhadap aktiviti pelajar di luar sekolah, penggunaan media sosial dan pergaulan rakan sebaya juga perlu diberikan perhatian. Pelaksanaan langkah-langkah ini penting bagi mengurangkan risiko pelakuan jenayah serta mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih selamat dan kondusif.

Walau bagaimanapun, kajian ini merupakan kajian awal yang melibatkan 40 orang responden yang dipilih melalui persampelan bertujuan, dengan pengumpulan data dilakukan di Centre Point, Kota Kinabalu. Oleh itu, dapatan kajian perlu ditafsirkan berdasarkan skop dan ciri sampel yang terlibat serta tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi ibu bapa di Kota Kinabalu atau Sabah. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan gambaran awal tentang kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan pelajar dan menegaskan kepentingan pendekatan keselamatan yang menyeluruh, melibatkan persekitaran sekolah dan luar sekolah.

Oleh itu, diharapkan kajian ini menjadi rujukan kepada pihak yang terlibat dalam merancang strategi pencegahan jenayah serta memperkukuhkan kerjasama antara semua pihak bagi meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan pelajar. Dengan adanya komitmen yang berterusan, usaha membentuk persekitaran pembelajaran yang kondusif, selamat dan bebas daripada pelakuan jenayah dapat direalisasikan demi melahirkan generasi yang seimbang dan berkualiti.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

Rujukan

Adnan, E. N. (2025). Sekolah selamat, murid sejahtera. Portal Berita RTM. https://berita.rtm.gov.my/fokus/komentar/senarai-berita-fokus/komentar/senaraiartikel/sekolah-selamat-murid-sejahtera/

Ahmad, J., Ismail, N., & Mohamad Nasir, N. N. A. (2017). Belia dan isu jenayah masa kini di Malaysia. Malaysian Journal of Youth Studies, 16, 49–70. https://www.iyres.gov.my/images/com_catalogue/covers/mjys/BeliadanIsuJenayahMasaKinidiMalaysia.pdf

Alwi, S. M. S. (2025, Oktober 29). Jenayah di sekolah peluang perkukuh pendidikan sahsiah. Portal Berita RTM. https://berita.rtm.gov.my/fokus/perspektif/senarai-beritafokus/perspektif/senarai-artikel/jenayah-di-sekolah-peluang-perkukuh-pendidikansahsiah/

Baharin, H. (2025, Oktober 25). Buli di sekolah M'sia: Ibu bapa, sekolah perlu kerjasama tangani trend kian runcing. Berita Harian Singapura. https://www.beritaharian.sg/malaysia/buli-di-sekolah-msia-ibu-bapa-sekolah-perlukerjasama-tangani-trend-kian-runcing

Baharun, S. (2025, Oktober 15). Kes rogol pelajar sekolah: Apa peranan keluarga mencegahnya? IKRAM. https://ikram.org.my/kes-rogol-pelajar-sekolah-apa-peranankeluarga-mencegahnya/

Bernama. (2025). Pemasangan CCTV di asrama sekolah fokus keselamatan dan privasi pelajar. The Sun Malaysia. https://thesun.my/berita/tempatan/pemasangan-cctv-diasrama-sekolah-fokus-keselamatan-dan-privasi-pelajar/

Bernama. (2026). Lebih 5,000 kes buli dilaporkan di sekolah dalam lapan bulan pertama tahun ini - PM Anwar. https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2615992

Berita Harian. (2026, 15 Oktober). Remaja didakwa bunuh pelajar perempuan 16 tahun di sekolah Johor. https://www.beritaharian.sg/malaysia/remaja-didakwa-bunuh-pelajar-perempuan-16-tahun-di-sekolah-johor

Betare, R., & Kanyo, N. I. (2021). Persepsi Guru tentang Kelemahan Struktur Ruang Fizikal Sekolah Kebangsaan Pulau Gaya Terhadap Insiden Jenayah dalam Kawasan Sekolah. Jurnal Kinabalu, 27(1), 119-131.

Bochaver, A. A., Korneev, A. A., & Khlomov, K. D. (2022). School Climate Questionnaire: A New Tool for Assessing the School Environment. Frontiers in Pyshcology, 13, 1-9. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.871466

Bravo-Sanzana, M., Bangdiwala, S. I., & Miranda, R. (2022). School violence negative effect on student academic performance: a multilevel analysis. International Journal of Injury Control and Safety Promotion, 29(1), 29-41. https://doi.org/10.1080/17457300.2021.1994615

Husain, N. H. (2025). [VIDEO] KPM tetapkan tiada CCTV di ruang privasi pelajar. Sinar Harian.https://www.sinarharian.com.my/article/756333/berita/nasional/video-kpmtetapkan-tiada-cctv-di-ruang-privasi-pelajar

Ismail, R. A. M., & Othman, M. I. (2020). Cabaran Pengurusan Disiplin Sekolah Masa Kini (UUM Press). UUM Press.

Johari, C. A. M., Batia, S. N., Kasim, T. S. A. T., Salahuddin, H., Rahman, H. F. A., & Ramsyah, N. Z. A. A. (2026). Masalah Psikososial Pelajar Sekolah Menengah: Kajian Kes Faktor penyumbang dan Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Menyokong Kesejahteraan Emosi dan Spiritual. Journal of Islamic Educational Research, 12(1), 27-42. https://doi.org/10.22452/jier.vol12no1.3

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

Karmakar, S., & Das, S. (2020). Evaluating the Impact of Covid-19 on Cyberbullying Through Bayesian Trend Analysis. In Proceedings of the 2020 European Interdisciplinary Cybersecurity Conference, 3, 1-6. https://doi.org/10.1145/1122445.1122456

Konishi, C., Wong, T. K. Y., Persram, R. J., Vargas-Madriz, L. F., & Liu, X. (2022). Reconstructing the concept of school climate. Educational Research, 64(2), 159-175. https://doi.org/10.1080/00131881.2022.2056495

Lopez, V., Ortiz, S., Ceardi, A., & Gonzalez, L. (2022). Exclusionary discipline practices and their relation to Chilean students' perception of school climate practices. Aggressive Behavior, 48(5), 500-511. https://doi.org/10.1002/ab.22034

Mayfield, J. (2021). Parents' perceptions on the impact that school resource officers have on school safety (Doctoral dissertation, Walden University). Scholar Works. https://scholarworks.waldenu.edu/dissertations/10597/

Memon, M. A., Thurasamy, R., Ting, H., & Cheah, J. H. (2025). Purposive sampling: A review and guidelines for quantitative research. Journal of Applied Structural Equation Modeling, 9(1), 1-23. https://doi.org/10.47263/JASEM.9(1)01

Mohamed, N. A., & Mooi, L. S. (2026). Penglibatan Remaja dalam Kegiatan Jenayah: Analisis Tahap Pemahaman Remaja Terhadap Perkara 5-13 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences, 42(1), 83-97. https://doi.org/10.37934/arsbs.42.1.8397

Mokhtar, N. A. (2025). Lima remaja terbabit kes buli Zara Qairina didakwa Rabu ini. Berita Harian. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1434822/terkini-lima-remaja-terbabit-kes-buli-zara-qairina-didakwa-rabu-ini

Mori, Y., Tiiri, E., Khanal, P., Khakurel, J., Mishina, K., & Sourander, A. (2021). Feeling Unsafe at School and Associated Mental Health Difficulties among Children and Adolescents: A Systematic Review. Children, 8(3), 1-18. https://doi.org/10.3390/children8030232

O'Neill, B. (2022). Sample size determination with a pilot study. PLOS ONE, 17(2),1-13. https://doi.org/10.1371/journal.pone.0262804

Parlimen Malaysia. (2017). Penyata rasmi (Hansard) Kamar Khas: Parlimen Ketiga Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Kedua, Bil. 29. http://lib.perdana.org.my/PLF/Parliament_Hansard/2017/Penyata%20Rasmi%20(Hansard)%20Kamar%20Khas/KKDR-01082017.pdf

Polanin, J. R., Espelage, D. L., Grotpeter, J. K., Spinney, E., Ingram, K. M., Valido, A., El Sheikh, A., Torgal, C., & Robinson, L. (2021). A meta-analysis of longitudinal partial correlations between school violence and mental health, school performance, and criminal or delinquent acts. Psychological bulletin, 147(2), 115–133. https://doi.org/10.1037/bul0000314

Said, S. M. (2025, Oktober 15). Isu keselamatan pelajar tuntut tindakan rentas kementerian – Pakar. Bernama. https://bernama.com/bm/news.php?id=2479210

Saklan, E., & Unal, A. (2026). Concern to Action: Parents' Journeys in Confronting School Bullying. School Mental Health. https://doi.org/10.1007/s12310-026-09872-4

Susilo, B., Mardianto, G. D., & Aldilaga, D. (2024). Implementasi closed circuit television (CCTV) sebagai sistem keamanan di lingkungan Fakultas Ilmu Pendidikan Universitas Negeri Malang. Ilmu Pendidikan: Jurnal Kajian Teori dan Praktik Kependidikan, 9(2), 84–90. https://doi.org/10.17977/um027v9i22024p84-90

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 102-120
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118808

Zhao, N., Yang, S., Zhang, Q., Wang, J., Xie, W., Tan, Y., & Zhou, T. (2024). School bullying results in poor psychological conditions: evidence from a survey of 95,545 subjects. Frontier Psychology, 15, 1-10. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2024.1279872

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0